

RESEARCH THAT MATTERS

PENDAPAT UMUM MENGENAI HAK TRANSGENDER di Malaysia

September 2020

Winston Luhur
Taylor N.T. Brown
Joseph N. Goh

PENGENALAN

Laporan ini mengemukakan maklumat tentang pendapat umum mengenai golongan transgender dan hak mereka di Malaysia. Kami telah menganalisis data dari tinjauan Global Attitudes Toward Transgender People, panel Malaysia 2017, untuk memberikan maklumat baharu mengenai pandangan terhadap golongan transgender, hak, dan status mereka dalam masyarakat.

Aktivis transgender mencadangkan bahawa terdapat kira-kira 20,000 hingga 30,000 wanita transgender atau mak nyah di Malaysia.¹ Sangat sedikit yang diketahui mengenai lelaki transgender, walaupun komuniti atas talian tempatan Transmen of Malaysia mempunyai lebih daripada 170 orang ahli berdaftar.² Seawal abad ke-20, golongan transgender secara umumnya diterima di Kepulauan Melayu.³ Keadaan ini berubah bermula pada tahun 1980-an. Persaingan di antara parti-parti politik untuk mengertikan cita-cita Islam yang mereka fahami demi memperoleh kebolehpercayaan politik, kebangkitan semula Islam dan pengembangan undang-undang Syariah di ruang awam, serta keinginan untuk mencapai tahap kemodenan Islam yang terhormat bererti bahawa elemen yang “tidak Islamik” seperti gender dan seksualiti yang tidak menurut norma harus dibanteras.⁴ Sebagai contoh, pada tahun 1997, Perdana Menteri Mahathir Mohamad mencabar peranan tradisional sultan selaku pemimpin Islam di negeri masing-masing dengan mewujudkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk menyelia perihal Islam di negara ini. Sebagai serang balas, sultan melarang “pembedahan menukar jantina” dan “lelaki berpakaian seperti perempuan dan sebaliknya.” Sejak itu, penganiayaan terhadap wanita transgender di Malaysia meningkat.⁵

Malaysia merupakan negara yang mengamalkan sistem demokrasi perwakilan dengan raja berperlembagaan. Undang-undang digubal di peringkat negeri dan persekutuan. Negara ini menggunakan dua sistem kehakiman untuk menguatkuasakan kedua-dua kod undang-undang sekular dan agama - khususnya kod undang-undang Syariah Islam tempatan bagi Muslim di Malaysia.⁶ Walaupun Artikel 8 (2) Perlembagaan Persekutuan secara jelas menghuraikan perlindungan daripada diskriminasi berdasarkan gender,⁷ tiada perlindungan yang tegas bagi golongan transgender berdasarkan identiti atau ekspresi gender mereka dalam undang-undang dan Perlembagaan Persekutuan.^{8,9} Para aktivis Malaysia telah menyatakan bahawa ketiadaan sebarang perlindungan undang-undang atau perlembagaan menjadikan individu tersebut rentan terhadap penyisihan, diskriminasi, stigma, buli dan keganasan.¹⁰ Di pelbagai lapisan masyarakat Malaysia, golongan transgender dituntut untuk mematuhi norma-norma didasari oleh gender yang ditetapkan semasa waktu kelahiran untuk mengakses manfaat, peluang pekerjaan, berkahwin secara sah, mengambil anak angkat, atau berkhidmat dalam tentera.¹¹

Golongan transgender dijenayahkan dan identiti dan ekspresi gender mereka tidak diiktiraf di seluruh negara. Ini termasuk undang-undang Syariah negeri di kesemua 13 negeri dan tiga wilayah persekutuan yang menjenayahkan “mana-mana lelaki ... mengenakan pakaian wanita dan berlagak seperti wanita”,^{12, 13, 14} undang-undang di empat negeri yang menjenayahkan “orang wanita yang berlagak sebagai lelaki”,¹⁵ dan Undang-undang sekular sivil, Seksyen 21 Akta Kesalahan Kecil 1955, yang telah digunakan untuk menjenayahkan wanita transgender kerana terlibat dalam perlakuan “tidak senonoh atau sumbang”.¹⁶ Penting untuk diketahui, undang-undang Syariah di Negeri Sembilan dianggap tidak berperlembagaan oleh Mahkamah Rayuan¹⁷ atas beberapa alasan, termasuk menyalahi Perlembagaan yang melindungi seseorang daripada diskriminasi berdasarkan

gender; namun, keputusan itu kemudian dibatalkan atas sebab teknikal di peringkat Mahkamah Persekutuan.¹⁸ Selain itu, golongan transgender sering dinafikan hak untuk mengubah nama dan penanda gender pada kad pengenalan nasional mereka dan dokumen rasmi lainnya.^{19, 20} Kad pengenalan diri ini penting bagi individu kerana banyak interaksi dengan kerajaan dan entiti lain, seperti bank dan hospital, dengan mempunyai penanda gender yang tidak sesuai dengan identiti gender seseorang telah terbukti mengakibatkan diskriminasi serta pelecehan.^{21, 22}

Sebagai sebuah negara majoriti Muslim²³ yang secara umumnya mempunyai pandangan konservatif mengenai isu gender dan seksualiti,^{24, 25} binari gender dan seksualiti sering dipertahan dan dibuat tanpa sebarang bantahan, dan ini meningkatkan lagi stigma terhadap golongan transgender.²⁶ Selain itu, pemimpin Muslim, serta pemimpin agama minoriti, termasuklah golongan Kristian, telah bersuara dengan lantang menentang “penyimpangan” dan “dosa” transgender,²⁷ dan terdapat usaha untuk mengubah identiti gender golongan transgender melalui terapi pemulihan berbentuk keagamaan seperti Program Mukhayyam yang didanai oleh negara yang disasarkan kepada golongan belia transgender Muslim.^{28, 29} Seseengah golongan transgender perempuan dan lelaki gay juga disyorkan atau dirujuk kepada program terapi pemulihan yang didanai oleh kedua-dua pelaku negara dan bukan pelaku negara menggunakan kemudahan kesihatan sekular.³⁰ Menurut JAKIM, sekitar 1,700 individu LGBT telah mengikuti “program pendidikan, rawatan dan pemulihan kecelaruan gender” sejak program tersebut dimulai pada tahun 2011.³¹

METODOLOGI

Dalam laporan ini, kami mengemukakan data yang dikumpulkan bagi tinjauan Global Attitudes Toward Transgender People 2017 mengenai keakraban masyarakat dan sikap terhadap golongan transgender.³² Sampel Malaysia termasuklah ahli panel berusia 16 hingga 64 tahun yang telah menyelesaikan tinjauan dalam bahasa Melayu (lihat Lampiran II untuk perincian metodologi). Pemberat yang disediakan oleh Ipsos digunakan untuk meningkatkan keterwakilan sampel panel; namun, sampel tersebut tidak boleh dianggap sebagai sampel berdasarkan kebarangkalian atau sampel yang mencerminkan populasi orang dewasa umum kerana kadar penembusan internet yang rendah di Malaysia.³³

Sampel analitik merangkumi 500 orang peserta. Di bawah ini, kami menunjukkan peratusan berat dan 95% selang keyakinan untuk menggambarkan ciri-ciri demografi dan sosioekonomi peserta, keakraban dengan golongan transgender, dan sikap terhadap golongan transgender dan dasar awam yang berkaitan. Kami menjalankan analisis regresi logistik multinomial untuk menentukan sama ada ciri-ciri tahap individu, seperti seks, usia, pendidikan, pendapatan, dan keakraban dengan golongan transgender, dikaitkan dengan pemboleh ubah bersandar, seperti sikap terhadap golongan transgender, hak mereka, dan status mereka dalam masyarakat. Kami mengecualikan empat individu yang mengenal pasti diri mereka sebagai transgender kerana kumpulan itu terlalu kecil untuk menghasilkan anggaran yang boleh dipercayai bagi peserta transgender. Kami memasukkan butiran metodologi lebih lanjut dalam Lampiran II, Tambahan Metodologi Ipsos untuk Taklimat Negara Tunggal. Lembaga Kajian Umum UCLA Utara (UCLA North General Institutional Review Board, NGIRB) menganggap kajian ini dikecualikan daripada kajian sebagai subjek kajian manusia kerana penggunaan data yang tidak dikenal pasti.

PENDAPAT UMUM TENTANG HAK DAN GOLONGAN TRANSGENDER

CIRI-CIRI DEMOGRAFI DAN SOSIOEKONOMI

Pada tahun 2017, seramai 509 panelis Ipsos di Malaysia mengambil bahagian dalam tinjauan Global Attitudes Toward Transgender People. Dalam kalangan peserta tinjauan ini, perkadaran serupa ialah lelaki (49.8%) dan perempuan (50.2%) (Jadual 1). Peserta muda berusia 16 hingga 34 tahun merupakan sebahagian besar (55.2%) sampel, sementara 31.6% peserta berusia di antara 35 dan 49 tahun, dan 13.2% peserta berumur di antara 50 dan 64 tahun (umur min = 34.2 tahun).

Lebih daripada separuh (59.7%) peserta melaporkan tahap pendidikan tinggi, menerima sekurang-kurangnya empat tahun ijazah universiti, dengan selebihnya 40.3% melaporkan tahap pendidikan rendah atau sederhana (kurang dari empat tahun ijazah universiti). Sebilangan besar (53%) melaporkan pendapatan isi rumah bulanan yang tinggi (> RM 7,000 / > 7,000 ringgit Malaysia). Kira-kira satu daripada empat (26.3%) peserta melaporkan pendapatan isi rumah yang rendah (<RM 4,000), dan satu daripada lima (20.7%) peserta melaporkan pendapatan isi rumah sederhana (RM 4,001 hingga RM 6,999). Majoriti peserta juga melaporkan sudah berkahwin (53.7%) dan bekerja (79.7%).

Jadual 1. Ciri-ciri demografi dan sosioekonomi peserta tinjauan (N=509)

	KEKERAPAN TIDAK BERAT	PERATUSAN BERAT	95% SELANG KEYAKINAN
Jantina			
Lelaki	274	49.8%	44.8%, 54.7%
Perempuan	235	50.2%	45.3%, 55.2%
Umur (tahun)			
Purata	509	34.2	33.0, 35.4
16-34	214	55.2%	50.5%, 59.9%
35-49	214	31.6%	27.7%, 35.8%
50-64	81	13.2%	10.6%, 16.3%
Pendidikan[†]			
Rendah (sekolah rendah atau yang lebih rendah, atau sijil PMR dan SPM dari sekolah menengah)	61	12.8%	9.8%, 16.7%
Sederhana (Sijil STPM dari sekolah menengah atau sijil / diploma dari kolej / politeknik / sekolah vokasional)	147	27.5%	23.4%, 32.0%
Tinggi (menamatkan pengajian di peringkat universiti selama empat tahun atau lebih tinggi)	301	59.7%	54.7%, 64.4%
Pendapatan Isi Rumah Bulanan			
Rendah (<RM ^{††} 4,000)	121	26.3%	22.0%, 31.2%
Sederhana (RM 4,001 hingga RM 6,999)	107	20.7%	17.0%, 25.0%
Tinggi (>RM 7,000)	281	53.0%	48.0%, 57.9%


Status Perkahwinan				
	Berkahwin	325	53.7%	48.6%, 58.7%
	Lain-lain ^{††}	184	46.3%	41.3%, 51.4%
Status Pekerjaan ^{†††}				
	Bekerja	443	79.7%	74.5%, 84.0%
	Tidak Bekerja	66	20.3%	16.0%, 25.5%

[†] PMR=Penilaian Menengah Rendah, SPM=Sijil Pelajaran Malaysia, STPM=Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia; ^{††} Ringgit Malaysia; ^{†††} Lain-lain termasuk perkongsian rumah tangga / hidup sebagai pasangan berkahwin, bujang, bercerai, dan balu; ^{††††} Bekerja termasuk bekerja sepenuh masa, bekerja sambilan, bekerja sendiri, dan dalam tentera; Tidak bekerja termasuk pelajar, mereka yang menganggur, suri rumah, dan pesara.

KEAKRABAN DENGAN GOLONGAN TRANSGENDER

Peserta menunjukkan tahap keakraban yang berbeza dengan golongan transgender. Majoriti (59.7%) peserta melaporkan pernah melihat golongan transgender sebelum ini, tetapi tidak mengenali secara peribadi, dan kira-kira satu daripada sepuluh peserta melaporkan jarang atau tidak pernah bertemu dengan golongan transgender (10.6%) (Rajah 1). Sebaliknya, 30.3% peserta melaporkan mempunyai kenalan transgender, dan 17.4% melaporkan mempunyai ahli keluarga atau rakan transgender. Sebilangan (0.8%) peserta diklasifikasikan sebagai transgender mengikut definisi yang diberikan, dan 3.1% peserta melaporkan “tidak tahu” sebagai jawapan kepada soalan ini.³⁴

Rajah 1. Keakraban dengan golongan transgender di kalangan peserta panel (N=509)



Peratusan mencerminkan jawapan peserta bagi pertanyaan "Beberapa orang berpakaian dan hidup sebagai satu jantina walaupun mereka dilahirkan sebagai jantina yang lain. Sebagai contoh, seseorang yang dilahirkan lelaki mungkin akan berasa dia sebenarnya ialah perempuan dan oleh itu berpakaian dan hidup sebagai seorang perempuan, dan seseorang yang dilahirkan perempuan mungkin akan berasa dia sebenarnya ialah lelaki dan oleh itu berpakaian dan hidup sebagai seorang lelaki. Berapa banyak yang anda tahu, jika ada, tentang orang-orang yang sebegini? Pilih seberapa banyak jawapan yang berkenaan." Peratusan tidak akan mencapai hingga 100% kerana peserta diizinkan untuk memberi pelbagai jawapan.


Dengan mengkategorikan jawapan kepada soalan dalam Rajah 1 kepada pilihan yang saling eksklusif, lebih daripada separuh (55.1%) peserta melaporkan hanya pernah melihat golongan transgender, tetapi tidak mengenali secara peribadi, atau jarang atau tidak pernah bertemu dengan golongan transgender (tidak ditunjukkan). Kira-kira dua daripada lima (41.0%) peserta melaporkan mempunyai kenalan transgender, rakan, atau ahli keluarga (tidak ditunjukkan).

SIKAP TERHADAP HAK GOLONGAN TRANSGENDER

Lebih ramai peserta sangat atau agak bersetuju berbanding tidak bersetuju (52.9% berbanding 38.5%), bahawa golongan transgender sepatutnya dilindungi daripada diskriminasi oleh kerajaan (Rajah 2). Sebilangan besar peserta juga bersetuju berbanding tidak bersetuju bahawa golongan transgender harus dibenarkan berkhidmat dalam tentera (48.6% berbanding 37.3%) dan harus dibenarkan untuk mengambil anak angkat (48.0% berbanding 41.3%). Sebaliknya, majoriti peserta tidak bersetuju bahawa golongan transgender patut dibenarkan berkahwin dengan seseorang yang diberikan identiti yang sama semasa waktu kelahiran (60.8% berbanding 27.8%) dan bahawa golongan transgender patut dibenarkan menjalani pembedahan supaya tubuh mereka berpadanan dengan identiti mereka (56.8% berbanding 35.0%). Sebilangan besar peserta tidak bersetuju berbanding bersetuju dengan kenyataan bahawa golongan transgender patut dibenarkan mengandung atau melahirkan anak (45.9% berbanding 40.9%) dan golongan transgender patut dibenarkan menggunakan tandas bersesuaian dengan identiti gender mereka (49.8% berbanding 39.0%). Keseluruhan tujuh perkara, di antara 8.2% dan 14.1% peserta memilih jawapan “tidak tahu.”

Rajah 2. Sikap terhadap hak golongan transgender di kalangan peserta panel (N=504)

Q: Sila nyatakan sama ada anda bersetuju atau tidak bersetuju dengan setiap pernyataan di bawah tentang orang-orang yang berpakaian dan hidup sebagai satu jantina walaupun mereka dilahirkan sebagai jantina yang lain.



Dengan analisis regresi berwajaran, kami meneroka bagaimana keakraban peserta dengan golongan transgender³⁵ dan perkaitan demografi peserta dan status sosio ekonomi dengan persetujuan mereka melalui kenyataan yang berdasarkan hak ini (Lampiran I Jadual A). Peserta yang berumur 16 hingga 34 tahun berbanding mereka yang berumur 50 hingga 64 tahun secara signifikan kurang bersetuju bahawa golongan transgender patut dilindungi daripada diskriminasi oleh kerajaan (NRR = 0.37; Sk [0.20, 0.68]).³⁶

Peserta yang melaporkan tahap pendapatan isi rumah yang tinggi lebih signifikan cenderung untuk bersetuju bahawa golongan transgender patut dibenarkan menjalani pembedahan supaya tubuh mereka berpadanan dengan identiti mereka (NRR = 2.27, Sk [1.26, 4.10]) dan dibenarkan untuk berkahwin dengan seseorang yang sama jantina kelahiran dengan mereka (NRR = 2.16, Sk [1.14, 4.07]), berbanding dengan peserta dengan tahap pendapatan isi rumah yang rendah.

Tidak ada perbezaan yang signifikan dalam kadar persetujuan dengan mana-mana kenyataan berdasarkan hak ini di seluruh tahap keakraban peserta yang dilaporkan dengan golongan transgender. Juga tidak ada perbezaan antara tahap jantina dan pendidikan peserta.

SIKAP TERHADAP GOLONGAN TRANSGENDER³⁷


Lebih ramai peserta tidak bersetuju berbanding bersetuju (55.2% berbanding 30.0%) dengan kenyataan bahawa golongan transgender mempunyai sejenis kecacatan fizikal (Rajah 3). Begitu juga, peratusan peserta yang lebih besar tidak bersetuju berbanding bersetuju dengan kenyataan bahawa golongan transgender mempunyai sejenis penyakit mental (49.6% berbanding 39.0%). Sebaliknya, peratusan peserta yang lebih besar bersetuju berbanding tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa golongan transgender melakukan dosa (49.0% berbanding 36.9%).

Peratusan peserta yang lebih besar bersetuju berbanding tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa golongan transgender ialah kejadian semula jadi (45.8% berbanding 41.7%) dan bahawa golongan transgender adalah berani (47.2% berbanding 42.8%). Tetapi sebilangan besar peserta tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa golongan transgender mempunyai kurniaan rohani yang unik (51.0% berbanding 32.5%).

Keseluruhan enam perkara, antara 10.1% dan 16.4% peserta memilih jawapan “tidak tahu.”

Rajah 3. Sikap terhadap golongan transgender dalam kalangan peserta panel (N=504)

Q: Sila nyatakan sama ada anda bersetuju atau tidak bersetuju dengan setiap pernyataan di bawah tentang orang-orang yang berpakaian dan hidup sebagai satu jantina walaupun mereka dilahirkan sebagai jantina yang lain.



Keakraban dengan golongan transgender dan pendidikan tidak secara statistik dikaitkan dengan sikap terhadap orang transgender (Lampiran I Jadual B).

Peserta lelaki lebih signifikan bersetuju bahawa golongan transgender mempunyai sejenis penyakit mental (NRR = 1.61; Sk [1.04, 2.50]) berbanding peserta wanita. Mereka juga secara signifikan kurang bersetuju bahawa golongan transgender adalah berani (NRR = 0,60; Sk [0,39, 0,92]), jika dibandingkan dengan peserta perempuan.

Peserta dalam kumpulan umur termuda, berumur 16 hingga 34 tahun, berbanding mereka yang berumur 50 hingga 64 tahun secara signifikan bersetuju bahawa golongan transgender melakukan dosa (NRR = 2.72; Sk [1.47, 5.05]). Para peserta termuda ini juga kurang cenderung berbanding mereka yang berumur 50 hingga 64 tahun untuk bersetuju bahawa golongan transgender ialah kejadian yang semula jadi (NRR = 0.38; Sk [0.20, 0.71]). Peserta berumur 35 hingga 49 tahun menunjukkan corak yang sama dengan kelompok termuda. Kelompok berumur pertengahan ini juga lebih signifikan cenderung bersetuju berbanding tidak bersetuju bahawa golongan transgender mempunyai bentuk penyakit mental (NRR = 2.42, Sk [1.33, 4.40]) dan bahawa mereka melakukan dosa (NRR = 1.92, Sk [1.07, 3.42]) berbanding mereka yang berumur 50 hingga 64 tahun. Mereka juga lebih signifikan kurang cenderung untuk bersetuju dengan kenyataan bahawa golongan transgender ialah kejadian yang semula jadi (NRR = 0,40, Sk [0,22, 0,74]) berbanding dengan peserta berusia 50 hingga 64 tahun.


Peserta dengan pendapatan rumah yang tinggi ketara lebih bersetuju bahawa golongan transgender adalah berani berbanding dengan peserta yang mempunyai pendapatan isi rumah rendah atau sederhana (NRR = 1.85, Sk [1.05, 3.25]).

SIKAP TERHADAP GOLONGAN TRANSGENDER DALAM MASYARAKAT

Sebilangan besar peserta tidak bersetuju berbanding bersetuju dengan kenyataan bahawa masyarakat Malaysia telah pergi terlalu jauh dengan membenarkan golongan transgender untuk berpakaian dan hidup sebagai satu jantina walaupun mereka dilahirkan sebagai jantina yang lain (48.0% berbanding 41.1%) (Rajah 4). Meskipun begitu, majoriti peserta bersetuju dengan kenyataan bahawa mereka bimbang untuk mendedahkan kanak-kanak kepada golongan transgender (59.8% berbanding 33.8%) dan bahawa golongan transgender mencabuli tradisi budaya mereka (54.3% berbanding 37.0%). Selain itu, majoriti tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa mereka mahu Malaysia berbuat lebih banyak lagi untuk menyokong dan melindungi golongan transgender (53.6% berbanding 36.6%) dan bahawa golongan transgender mempunyai kedudukan yang istimewa di dalam masyarakat (58.4% berbanding 30.9%). Keseluruhan enam perkara, antara 6.3% dan 10.9% peserta menunjukkan jawapan “tidak tahu.”

Rajah 4. Sikap terhadap golongan transgender di masyarakat dalam kalangan peserta panel (N=504)

Q: Sila nyatakan sama ada anda bersetuju atau tidak bersetuju dengan setiap pernyataan di bawah tentang orang-orang yang berpakaian dan hidup sebagai satu jantina walaupun mereka dilahirkan sebagai jantina yang lain.



Penemuan daripada model regresi, seperti yang ditunjukkan dalam Lampiran I Jadual C, menunjukkan bahawa peserta yang melaporkan mengenali golongan transgender secara signifikan lebih cenderung bersetuju bahawa Malaysia menjadi semakin bertolak-ansur terhadap golongan transgender (NRR = 1.91; Sk [1.23, 2.96]), dibandingkan dengan peserta yang melaporkan bahawa mereka tidak mengenali golongan transgender. Para peserta ini juga secara signifikan cenderung kurang bersetuju bahawa golongan transgender mencabuli tradisi budaya mereka (NRR = 0.63; Sk [0.40, 0.99]).

Para peserta dalam kumpulan usia termuda, berumur 16 hingga 34 tahun berbanding mereka yang berumur 50 hingga 64 tahun secara signifikan lebih cenderung bersetuju bahawa masyarakat Malaysia telah terlalu jauh membiarkan orang berpakaian dan hidup sebagai satu jantina walaupun mereka dilahirkan yang lain (NRR = 2.79, Sk [1.48, 5.27]) dan bahawa golongan transgender mencabuli tradisi budaya mereka (NRR = 2.11, Sk [1.16, 3.81]). Para peserta ini juga secara signifikan cenderung kurang bersetuju berbanding mereka yang berumur 50 hingga 64 tahun bahawa golongan transgender mempunyai kedudukan yang istimewa dalam masyarakat (NRR = 0.31, Sk [0.16, 0.57]).

dan mereka mahu Malaysia melakukan lebih banyak perkara untuk menyokong dan melindungi orang transgender (NRR = 0.43, Sk [0.24, 0.78]). Corak yang serupa wujud dalam kalangan kelompok peserta berusia 35 hingga 49 tahun. Individu-individu dalam kumpulan ini secara signifikan lebih cenderung berbanding mereka yang berumur 50 hingga 64 tahun untuk bersetuju bahawa golongan transgender mencabuli tradisi budaya mereka (NRR = 2.00, Sk [1.13, 3.53]). Mereka juga secara signifikan cenderung kurang bersetuju berbanding mereka yang berumur 50 hingga 64 tahun bahawa golongan transgender mempunyai kedudukan istimewa dalam masyarakat (NRR = 0.25, Sk [0.14, 0.45]) dan mereka mahu Malaysia melakukan lebih banyak perkara untuk menyokong dan melindungi golongan transgender (NRR = 0.52, Sk [0.30, 0.92]).

Peserta yang melaporkan tahap pencapaian pendidikan sederhana secara signifikan kurang bersetuju bahawa golongan transgender mencabuli tradisi budaya mereka (NRR = 0.39, Sk [0.19, 0.83]), berbanding peserta dengan tahap pencapaian pendidikan yang rendah. Peserta dengan tahap pendidikan yang tinggi, cenderung tidak setuju bahawa golongan transgender mencabuli tradisi budaya mereka (NRR = 0.41, Sk [0.21, 0.83]), dibandingkan dengan peserta dengan tahap pencapaian pendidikan yang rendah.

Tidak ada hubungan yang signifikan secara statistik di antara jantina dan pendapatan isi rumah dan sikap-sikap ini.

PERBINCANGAN

Penemuan menunjukkan bahawa peserta Ipsos di Malaysia mempunyai sikap yang berbeza-beza berkenaan golongan transgender dan hak mereka. Sebagai contoh, sebilangan besar peserta bersetuju bahawa golongan transgender patut dilindungi daripada diskriminasi oleh kerajaan dan lebih bersetuju berbanding tidak bersetuju bahawa golongan transgender patut dibenarkan berkhidmat dalam tentera³⁸ dan mengambil anak angkat. Pada masa yang sama, lebih ramai peserta menentang berbanding menyokong golongan transgender untuk dibenarkan berkahwin dengan seseorang yang sama jantina kelahiran dengan mereka, menjalani pembedahan pengesahan gender, mengandung dan melahirkan anak, atau menggunakan bilik air yang bersesuaian dengan identiti gender mereka.

Sebahagian besar sikap terhadap golongan transgender adalah tidak menyokong. Walaupun majoriti bersetuju bahawa golongan transgender tidak menderita jenis kecacatan fizikal atau penderitaan mental, lebih ramai peserta menganggap golongan transgender sebagai pelampau budaya. Sebilangan besar peserta tidak setuju bahawa golongan transgender menempati kedudukan yang istimewa dalam masyarakat dan mereka mahu Malaysia melakukan lebih banyak lagi untuk menyokong dan melindungi golongan transgender. Kajian juga mendapati bahawa sebahagian besar peserta bimbang untuk mendedahkan anak-anak mereka kepada golongan transgender. Pendapat ini mungkin disebabkan oleh gambaran tentang golongan transgender sebagai orang yang tidak mampu menyesuaikan diri yang mencerminkan keruntuhan moral.³⁹

Sementara kebanyakan peserta tidak percaya bahawa masyarakat telah terlalu jauh membiarkan golongan transgender berpakaian dan hidup sesuai dengan identiti gender mereka, hampir separuh menganggap golongan transgender sebagai pembuat dosa dan tidak setuju bahawa mereka diberi kurniaan rohani yang unik. Pendapat-pendapat ini mungkin dipengaruhi oleh kenyataan bahawa Islam dan Kristian di Malaysia sering menganggap golongan transgender sengaja melanggar hukum keagamaan.⁴⁰ Namun, daripada mempromosikan kebencian secara terang-terangan, lingkungan politik dan agama konservatif telah membangunkan naratif bahawa orang dewasa transgender harus disantuni dengan kesopanan dan belas kasihan dalam usaha untuk “memulihkan” mereka.⁴¹

Peranan dan tanggungjawab gender binari bagi lelaki dan wanita sangat mengakar dalam sikap masyarakat Malaysia,⁴² dan isu-isu gender dan seksualiti umumnya dianggap sebagai terlarang.⁴³ Sikap peserta terhadap banyak isu ini mungkin berakar pada pengertian sosio-budaya mengenai amalan yang boleh diterima dan tidak boleh diterima bagi mereka yang tidak sepakat dengan norma gender. Sikap tidak menyokong terhadap golongan transgender, termasuk pengizinan untuk berkahwin yang sama jantina kelahiran dengan mereka, mungkin juga berkaitan dengan sikap terhadap golongan lesbian, gay, dan biseksual (LGB) yang didokumentasikan dalam Global Acceptance Index, di mana Malaysia berada di kumpulan bawah negara-negara dunia selama bertahun-tahun.⁴⁴

Walaupun majoriti peserta melaporkan bahawa mereka pernah melihat golongan transgender, ramai yang tidak secara peribadi kenal dengan golongan transgender. Peserta yang mempunyai pemahaman yang lebih akrab terhadap golongan transgender secara signifikan kurang cenderung melihat golongan transgender mencabuli tradisi budaya Malaysia dan lebih cenderung untuk

bersetuju bahawa Malaysia semakin bertolak ansur dengan golongan transgender. Penemuan ini selaras dengan kajian pendapat umum di luar Malaysia yang telah menemukan hubungan positif antara keakraban dengan orang transgender dan sikap positif terhadap hak sivil transgender.^{45, 46, 47}

Terdapat beberapa penemuan penting lain, termasuk, mengenai sejumlah dasar dan topik yang dibahas di dalam tinjauan, peserta yang lebih muda (berumur 16-34 dan 35-49) bersikap kurang senang terhadap golongan transgender berbanding mereka yang berumur 50-64 tahun. Hasil ini tidak konsisten dengan penyelidikan yang dilakukan di luar Malaysia yang mendapati sokongan masyarakat yang lebih besar bagi hak transgender adalah dalam kalangan belia.^{48, 49} Walaupun hasil ini membuktikan tahap sokongan yang lebih rendah dalam kalangan belia, seperti yang dinyatakan di atas, kami berhati-hati agar tidak menerapkan penemuan ini kepada populasi yang lebih luas, memandangkan sampel tinjauan yang terhad, termasuk data ini tidak mewakili populasi umum. Sejauh mana hasil ini mencerminkan perbezaan sikap generasi yang sebenarnya dengan penentangan yang lebih besar daripada belia, kami berpendapat bahawa ini mungkin berkaitan dengan pemikiran konservatif pelajar-pelajar yang pulang dari Timur Tengah, kebangkitan Islam di universiti tempatan, penyebaran luas sosial, agama dan agama konservatisme politik di kalangan Muslim Malaysia yang lebih muda, dan peningkatan sokongan mereka terhadap nilai-nilai Islam konservatif berhubung dengan identiti nasional Islam.⁵⁰

Berbanding dengan peserta perempuan, peserta lelaki dalam tinjauan lebih cenderung menganggap golongan transgender menderita penyakit mental dan kurang setuju bahawa golongan transgender adalah berani. Seperti yang dilihat melalui penyelidikan yang telah mendokumentasikan bahawa ramai rakyat Malaysia memuliakan patriarki dan maskuliniti lelaki, kemungkinan sebarang penyimpangan daripada piawaian gender binari yang dirasakan dipandang sebagai memalukan oleh ramai orang dalam populasi umum.⁵¹ Peserta dengan tahap pendidikan tinggi dan sederhana kurang cenderung dibandingkan dengan mereka yang memiliki tahap pendidikan rendah untuk menganggap golongan transgender sebagai mencabuli tradisi budaya. Peserta dengan pendapatan isi rumah yang tinggi menunjukkan sikap yang lebih menyokong terhadap golongan transgender berbanding mereka yang berpendapatan rendah, yang bersetuju bahawa golongan transgender patut dibenarkan berkahwin dengan seseorang yang sama jantina kelahiran dengan mereka, menjalani pembedahan pengesahan gender, dan bahawa golongan transgender adalah berani. Secara keseluruhan, tahap pendidikan dan pendapatan yang lebih tinggi berkait dengan sikap yang lebih positif terhadap golongan transgender di Malaysia.

Seperti yang dinyatakan sebelumnya dalam metodologi tinjauan, data daripada tinjauan Global Attitudes Toward Transgender 2017 tidak menggambarkan dan tidak boleh ditafsirkan sebagai cerminan sikap populasi orang dewasa umum di Malaysia. Di samping itu, ada kekangan yang dihasilkan daripada penempatan tinjauan skala besar yang dilakukan di berbagai negara. Sebagai contoh, bahasa tinjauan yang menggambarkan golongan transgender mungkin tidak dianggap merangkumi semua varian gender dan/atau orang-orang yang tidak terikat dengan definisi gender, khususnya kerana istilah dan identiti tempatan, dan kurangnya pembezaan di antara orientasi seksual dan identiti gender di beberapa bahagian masyarakat Malaysia juga boleh mempengaruhi penemuan ini.

Dalam pengetahuan kami, laporan berkenaan pendapat umum mengenai golongan transgender dan

hak sivil mereka di Malaysia ini adalah yang pertama seumpamanya dan laporan ini memberikan asas untuk mengukur perubahan sikap dari semasa ke semasa. Penyelidikan lebih lanjut yang merangkumi langkah-langkah tambahan ideologi politik, ras / etnik, dan keagamaan peserta panel, serta sikap peserta terhadap pengiktirafan gender dan penjenayahan golongan transgender diperlukan. Kajian pelajar universiti mungkin juga bermanfaat dalam memahami sikap belia. Penyelidikan sedemikian juga harus berdasarkan kajian ini dengan menggunakan persampelan kebarangkalian dan menggunakan langkah-langkah yang telah diuji secara kognitif dengan orang dewasa Malaysia untuk memastikan pemahaman dan kesahihan. Selain itu, beberapa peserta dalam Global Attitudes Toward Transgender People Survey (6% -16%) menjawab “tidak tahu” dan mungkin belum membentuk pendapat mengenai golongan transgender. Apabila masyarakat menjadi lebih akrab dengan golongan transgender dan isu-isu mereka, sikap mereka mungkin berubah dan patut dipantau dari semasa ke semasa dalam sampel tinjauan perwakilan.

PENULIS

Winston Luhur Seorang Pembantu Penyelidik di Institut Williams. Winston bekerjasama dengan para sarjana kanan dalam pelbagai bidang projek, dengan fokus pada penyelidikan antarabangsa.

Taylor N.T. Brown sebelum ini merupakan Pengurus Projek di Institut Williams.

Joseph N. Goh ialah Pensyarah Kanan dalam Pengajian Gender di Pusat Pengajian Seni dan Sains Sosial, Universiti Monash Malaysia, dan berminat dengan pelbagai topik bersilang antara gender, seksualiti dan teologi.

PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Kerith J. Conron, Cendekiawan dan Pengarah Penyelidik Terhormat Blachford-Cooper di Institut Williams atas bimbingannya dalam projek ini. Kami mengucapkan terima kasih kepada Ilan H. Meyer, Cendekiawan Kanan Polisi Dasar Awam di Insitut Williams dan Shoshana K. Goldberg, Penolong Profesor Penyelidikan di University of North Carolina-Chapel Hill di atas ulasan dan maklum balas mendalam mereka mengenai draf awal penerbitan ini. Penulis juga berterima kasih atas ulasan dari Jocelyn Samuels, Pengarah Eksekutif dan Roberta A. Conroy Sarjana Undang-Undang di Institut Williams. Terima kasih juga kepada Andrew Park, mantan Pengarah Program Antarabangsa di Institut Williams, atas sumbangannya dalam konsep kajian tinjauan Ipsos dan penerbitan awal Institut Williams yang menganalisis data-data ini dari tahun 2016. Penulis juga sangat berterima kasih atas tinjauan substantif dari Thilaga Sulathireh, pengasas bersama Justice for Sisters. Penulis juga ingin mengucapkan terima kasih kepada penterjemah Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu, Andi Suraidah, pengasas bersama Legal Dignity.

ABOUT THE WILLIAMS INSTITUTE

The Williams Institute is dedicated to conducting rigorous, independent research on sexual orientation and gender identity law and public policy. A think tank at UCLA Law, the Williams Institute produces high-quality research with real-world relevance and disseminates it to judges, legislators, policymakers, media and the public. These studies can be accessed at the Williams Institute website.

FOR MORE INFORMATION

The Williams Institute, UCLA School of Law
1060 Veteran Avenue, Suite 134
Box 957092, Los Angeles, CA 90095-7092
williamsinstitute.law.ucla.edu

RESEARCH THAT MATTERS



LAMPIRAN I

RAMALAN SIKAP TERHADAP GOLONGAN TRANSGENDER, MODEL REGRESI LOGISTIK MULTINOMIAL

Terdapat beberapa cara untuk membincangkan pekali daripada regresi logistik multinomial; dalam laporan ini, kami menggunakan istilah nisbah risiko relatif, yang juga disebut sebagai nisbah kemungkinan relatif yang disesuaikan.^{52, 53} Dalam laporan ini, kami mengelak daripada memberi penerangan hasil dari segi “risiko”, “kebarangkalian”, atau “kemungkinan”, sebaliknya memilih istilah “kebolehjadian” atau “kemungkinan besar/lebih kurang”.⁵⁴ Jadual berikut menunjukkan NRR yang disesuaikan untuk menjawab “setuju” (menggabungkan ‘sangat setuju’ dan ‘agak setuju’) atau “tidak tahu” untuk setiap perkara sikap, berbanding dengan kategori rujukan yang menjawab “tidak setuju” (menggabungkan ‘sangat tidak setuju’ dan ‘agak tidak setuju’). Kami menyesuaikan dengan model regresi logistik multinomial yang berasingan bagi setiap perkara untuk meneroka bagaimana seks, usia, pendidikan, pendapatan isi rumah, dan keakraban dengan golongan transgender dikaitkan dengan sikap seseorang, menyesuaikan dengan semua pemboleh ubah lain dalam model. Nisbah risiko relatif (NRR) di atas 1.0 menunjukkan kemungkinan yang lebih tinggi untuk menyokong tindak balas yang diberikan (berbanding dengan “tidak setuju”) yang berkaitan dengan pemboleh ubah yang dimaksudkan (contohnya, seks); NRR di bawah 1.0 menunjukkan kemungkinan yang lebih rendah menyokong jawapan yang diberikan. Teks tebal menunjukkan hubungan yang signifikan secara statistik pada p dua sisi <0.05.

Jadual A. Sikap terhadap hak golongan transgender: nisbah risiko relatif beratasan dan selang keyakinan 95% dari model regresi logistik multinomial yang menyelaraskan bagi karakteristik sosiodemografi dan keakraban dengan golongan transgender (n=504)

	MEREKA SEPATUTNYA DIIZINKAN UNTUK MENJALANI PEMBEDAHAN SUPAYA BADAN MEREKA PADAN DENGAN IDENTITI MEREKA			MEREKA SEPATUTNYA DIIZINKAN UNTUK MENGGUNAKAN TANDAS JANTINA YANG MEREKA DIKENAL PASTIKAN			MEREKA SEPATUTNYA DIIZINKAN UNTUK BERKAHWIN DENGAN ORANG YANG SAMA JANTINA KELAHIRAN DENGAN MEREKA			MEREKA SEPATUTNYA DIIZINKAN UNTUK MENGANDUNG ATAU MELAHIRKAN ANAK (JIKA BERUPAYA BERBUAT DEMIKIAN DARI SEGI BIOLOGI)		
	BERSETUJU	TIDAK TAHU	TIDAK BERSETUJU	BERSETUJU	TIDAK TAHU	TIDAK BERSETUJU	BERSETUJU	TIDAK TAHU	TIDAK BERSETUJU	BERSETUJU	TIDAK TAHU	TIDAK BERSETUJU
	NRR (95% Sk)	NRR (95% Sk)	NRR (95% Sk)	NRR (95% Sk)	NRR (95% Sk)	NRR (95% Sk)	NRR (95% Sk)	NRR (95% Sk)	NRR (95% Sk)	NRR (95% Sk)	NRR (95% Sk)	NRR (95% Sk)
F-statistik (df) (p-nilai)	F(18, 19729)=2.41 (p<0.00)			F(18, 19729)=2.20 (p<0.00)			F(18, 19729)=2.16 (p<0.00)			F(18, 19729)=2.49 (p<0.00)		
Pintasan	1	0.36 (0.15, 0.90)	0.18 (0.04, 0.75)	1	1.13 (0.47, 2.71)	0.58 (0.17, 1.95)	1	0.36 (0.14, 0.95)	0.23 (0.07, 0.79)	1	0.68 (0.27, 1.73)	0.59 (0.20, 1.75)
Jantina (ruj: wanita)												
Lelaki	1	0.99 (0.63, 1.54)	0.59 (0.27, 1.29)	1	1.24 (0.80, 1.91)	0.82 (0.41, 1.65)	1	0.98 (0.61, 1.57)	0.71 (0.37, 1.34)	1	0.93 (0.60, 1.44)	0.58 (0.32, 1.08)
Umur (ruj: ages 50-64)												
Umur 16-34	1	0.81 (0.44, 1.48)	0.76 (0.27, 2.16)	1	1.28 (0.70, 2.35)	0.93 (0.34, 2.52)	1	1.30 (0.68, 2.47)	1.24 (0.47, 3.30)	1	0.87 (0.47, 1.62)	0.80 (0.33, 1.93)
Umur 35-49	1	0.68 (0.39, 1.22)	0.77 (0.28, 2.10)	1	1.22 (0.69, 2.15)	1.51 (0.59, 3.88)	1	0.88 (0.47, 1.66)	1.18 (0.48, 2.91)	1	0.92 (0.51, 1.66)	0.77 (0.34, 1.76)
Tahap pendidikan (ruj: tahap pendidikan rendah)												
Tahap pendidikan sederhana	1	0.98 (0.45, 2.13)	1.59 (0.48, 5.28)	1	0.54 (0.25, 1.16)	0.60 (0.23, 1.57)	1	0.47 (0.20, 1.08)	1.18 (0.40, 3.49)	1	1.10 (0.51, 2.36)	1.46 (0.55, 3.86)
Tahap pendidikan tinggi	1	1.22 (0.58, 2.55)	1.05 (0.30, 3.62)	1	0.56, 0.27, 1.15)	0.40 (0.15, 1.08)	1	0.69 (0.32, 1.49)	0.56 (0.18, 1.74)	1	1.93 (0.96, 3.87)	0.73 (0.26, 2.07)
Pendapatan (ruj: pendapatan rendah)												
Pendapatan sederhana	1	1.55 (0.77, 3.12)	1.51 (0.46, 4.98)	1	0.84 (0.43, 1.63)	0.80 (0.31, 2.06)	1	1.31 (0.61, 2.79)	0.99 (0.37, 2.63)	1	0.73 (0.38, 1.42)	0.68 (0.26, 1.79)
Pendapatan tinggi	1	2.27 (1.26, 4.10)	1.31 (0.48, 3.55)	1	0.76 (0.43, 1.33)	0.42 (0.18, 0.98)	1	2.16 (1.14, 4.07)	1.18 (0.50, 2.78)	1	1.24 (0.70, 2.19)	1.08 (0.48, 2.43)
Kenal orang transgender (ruj: tidak kenal orang transgender)												
Kenal orang transgender	1	1.26 (0.80, 1.98)	0.33 (0.11, 0.97)	1	1.10 (0.71, 1.72)	0.94 (0.44, 2.00)	1	1.13 (0.70, 1.83)	0.58 (0.27, 1.24)	1	0.85 (0.54, 1.33)	0.42 (0.20, 0.88)
Tidak tahu	1	0.90 (0.19, 4.27)	9.06 (2.15, 38.10)	1	0.82 (0.18, 3.85)	12.85 (3.38, 48.83)	1	0.28 (0.03, 2.69)	5.76 (1.59, 20.87)	1	0.52 (0.12, 2.32)	3.64 (0.87, 15.27)

Nota: darjah kebebasan (df); selang keyakinan (Sk); sel tebal menunjukkan perbezaan yang signifikan secara statistik pada p <0.05.

Jadual B (Bersambung). Sikap terhadap golongan transgender: nisbah risiko relatif beratasan dan selang keyakinan 95% dari model regresi logistik multinomial yang menyelaraskan untuk karakteristik sosiodemografi dan keakraban dengan golongan transgender (n=504)

	MEREKA ADALAH SATU KEJADIAN SEMULAJADI			MEREKA MEMPUNYAI KURNIAAN ROHANIAH YANG UNIK			ORANG-ORANG YANG BERPAKAIAN DAN HIDUP SEBAGAI SATU JANTINA WALAUPUN MEREKA DILAHIRKAN SEBAGAI JANTINA YANG LAIN ADALAH BERANI		
	BERSETUJU	TIDAK TAHU	TIDAK BERSETUJU	BERSETUJU	TIDAK TAHU	TIDAK BERSETUJU	BERSETUJU	TIDAK TAHU	TIDAK BERSETUJU
	NRR (95% Sk)	NRR (95% Sk)	NRR (95% Sk)	NRR (95% Sk)	NRR (95% Sk)	NRR (95% Sk)	NRR (95% Sk)	NRR (95% Sk)	NRR (95% Sk)
F-statistik (df) (p-nilai)	F(18, 19729)=3.06 (p<0.00)			F(18, 19729)=2.18 (p<0.00)			F(18, 19729)=3.12 (p<0.00)		
Pintasan	1	1.57 (0.62, 3.98)	0.96 (0.29, 3.18)	1	1.13 (0.43, 3.00)	1.17 (0.42, 3.29)	1	0.75 (0.29, 1.92)	0.60 (0.20, 1.81)
Jantina (ruj: wanita)									
Lelaki	1	0.88 (0.57, 1.36)	0.55 (0.30, 1.01)	1	1.06 (0.67, 1.68)	0.66 (0.38, 1.16)	1	0.60 (0.39, 0.92)	0.99 (0.50, 1.99)
Umur (ruj: umur 50-64)									
Umur 16-34	1	0.38 (0.20, 0.71)	0.59 (0.21, 1.63)	1	0.55 (0.29, 1.02)	0.48 (0.21, 1.10)	1	0.80 (0.43, 1.49)	0.41 (0.16, 1.03)
Umur 35-49	1	0.40 (0.22, 0.74)	1.08 (0.43, 2.66)	1	0.61 (0.33, 1.10)	0.70 (0.33, 1.47)	1	0.70 (0.39, 1.27)	0.61 (0.27, 1.40)
Pendidikan (ruj: tahap pendidikan rendah)									
Tahap pendidikan sederhana	1	1.45 (0.67, 3.12)	0.86 (0.33, 2.24)	1	0.76 (0.33, 1.74)	0.79 (0.33, 1.89)	1	1.26 (0.56, 2.84)	1.16 (0.46, 2.94)
Tahap pendidikan tinggi	1	1.98 (0.96, 4.08)	0.71 (0.28, 1.82)	1	0.89 (0.40, 1.96)	0.43 (0.18, 1.03)	1	1.68 (0.78, 3.64)	0.78 (0.29, 2.07)
Pendapatan (ruj: pendapatan rendah)									
Pendapatan sederhana	1	1.10 (0.56, 2.13)	0.57 (0.22, 1.48)	1	1.13 (0.57, 2.25)	1.28 (0.55, 2.97)	1	1.17 (0.61, 2.26)	0.57 (0.20, 1.61)
Pendapatan tinggi	1	0.72 (0.41, 1.27)	0.67 (0.30, 1.49)	1	0.82 (0.46, 1.47)	1.07 (0.50, 2.30)	1	1.85 (1.05, 3.25)	0.93 (0.38, 2.29)
Kenal orang transgender (ruj: tidak kenal orang transgender)									
Kenal orang transgender	1	1.45 (0.93, 2.28)	0.56 (0.29, 1.10)	1	1.28 (0.80, 2.04)	0.51 (0.27, 0.97)	1	1.31 (0.84, 2.04)	0.38 (0.15, 0.96)
Tidak tahu	1	0.98 (0.23, 4.09)	4.72 (0.90, 24.80)	1	1.56 (0.30, 8.07)	4.90 (0.96, 24.87)	1	0.86 (0.19, 4.00)	7.01 (1.47, 33.46)

Nota: darjah kebebasan (df); selang keyakinan (Sk); sel tebal menunjukkan perbezaan yang signifikan secara statistik pada p <0.05.

Jadual C. Sikap terhadap golongan transgender dalam masyarakat: nisbah risiko relatif berat dan selang keyakinan 95% dari model regresi logistik multinomial yang menyelaraskan karakteristik sosiodemografi dan keakraban dengan golongan transgender (n=504)

